

Etika Muzium dalam Disiplin Muzium Semasa berdasarkan Etika Muzium ICOM dan Perspektif Islam

Museum Ethics in Current Museum Discipline Based on ICOM's Museum Ethics and Islamic Perspective

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak *

Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia

*Corresponding author: imranrazak@uitm.edu.my

Article history

Received: 2021-07-11 Received in revised form: 2022-01-15 Accepted: 2022-01-16 Published online: 2022-06-30

Abstract

Museums is one of the important institutions in the modern world that serve to preserve, treat, research, educate and exhibit the historical heritage of a society. The International Council of Museum (ICOM) is an organization responsible for caring for museums around the world. It has set the ethics and Statutes of museums for reference of museums all around the world. This is done to ensure that the vision, philosophy, journey, and modus operandi of a museum run uniformly in accordance with the philosophy of ICOM. This study critically examines every detail of museum ethics set by ICOM, whether it is in accordance with Islamic rules or vice versa. Hence all study data depended entirely on library data. They were analysed with inductive and deductive methods. At the end of the study, we clarified that museum ethics are certainly in line with the principles of Islamic rules.

Keywords: Museum, ICOM, museum ethics, new museum awareness, Islamic rules.

Abstrak

Muzium merupakan institusi penting dalam konteks dunia moden yang berfungsi menjaga, merawat, menyelidik, mendidik dan mempamerkan warisan sejarah milik sesuatu masyarakat. International Council of Museums (ICOM) sebagai organisasi yang bertanggungjawab menjaga muzium seluruh dunia telah menetapkan etika dan statut muzium untuk kegunaan muzium seluruh dunia. Hal ini dibuat bagi memastikan visi, falsafah, perjalanan dan modus operandi sesuatu muzium itu berjalan seragam menepati falsafah ICOM. Kajian ini meneliti secara kritikal setiap butiran etika muzium yang ditetapkan oleh ICOM, samada ianya bersesuaian ataupun tidak dengan hukum Islam. Untuk itu, semua data-data kajian bergantung sepenuhnya kepada data kepustakaan. Ia kemudiannya dianalisa dengan metod induktif dan deduktif. Di akhir kajian, kami memperincikan bagaimana etika muzium memang bertepatan dengan prinsip hukum Islam.

Kata kunci: Muzium, ICOM, etika muzium, kesedaran muzium baru, hukum Islam.

1.0 PENGENALAN

Kajian ini menganalisa etika muzium yang ditetapkan oleh International Council of Museums (ICOM) daripada perspektif hukum Islam. Ia memilih isu tertentu yang ada kaitan penting dengan Islam. Hal ini dilakukan kerana beberapa sebab utama. Pertama, keperluan menyediakan konsep muzium Islam yang lebih serasi dengan keperluan semasa. Apa yang jelasnya, oleh kerana kesilapan sesetengah pihak seperti kumpulan Daesh, agama Islam telah dituduh sebagai agama ganas yang tidak menghargai nilai sejarah dan sekaligus menjelaskan kepentingan institusi muzium. Kedua, tiadanya garis panduan hukum Islam membabitkan isu muzium, sedangkan institusi muzium amat penting pada zaman moden ini.

Disiplin muzium adalah ilmu yang paling dinamik untuk konteks zaman moden. Sifat kedinamikan ini terserlah apabila ia mempunyai empat perkara sekaligus. Pertama, binaan dan kerangka epistemologinya yang jelas dan difahami oleh kalangan ilmuannya. Kedua, ia berjaya menarik minat ahli masyarakat kerana formula penyelesaian masalahnya bertepatan dengan logik yang menjadikannya tetap relevan. Ketiga, ia sentiasa disemak untuk tujuan penambahbaikan yang berterusan di peringkat institusi pengajian tinggi. Dalam soal ini, hasil usaha semakan - pembaikian dikumpulkan dalam koleksi khusus bagi rujukan penyelidik apabila diperlukan (Ahmad Farid Abdul Jalal, 2017). Keempat, ia mempunyai badan induk khusus yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia; tidak kira sama ada di negara maju, sedang membangun dan mundur. Sejak ditubuhkan pada tahun 1946, ICOM telah memainkan peranan utama di dalam bidang permuziuman antarabangsa. Ia terlibat memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli (Ahmad Farid Abd Jalal, 2020).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

2.1 Ketiadaan Garis Panduan Hukum Islam Yang Sistematik Untuk Muzium

Pada dasarnya, belum ada lagi garis panduan Islam yang sistematik untuk institusi muzium. Bahkan terdapat beberapa masalah yang berkait dengan muzium. Pertama, Sarjana muzium seperti Klas Grinell menerangkan bagaimana sarjana muzium Barat terpaksa bersusah payah mengkaji teks al-Quran, al-Sunnah dan kupasan ulama Islam dalam pelbagai bidang ilmu untuk mengetahui apa yang dibolehkan dan tidak dibolehkan untuk sesuatu pameran tentang Islam. Hasilnya, mereka memahami bahawa Islam berpegang pada falsafah ikonoklasme iaitu larangan mengambarkan lukisan atau ukiran manusia khususnya membabitkan Nabi Muhammad. Hal ini telah dielakkan walaupun mereka memang mempunyai banyak koleksi artifak, objek dan visual tentang diri Rasulullah. Ia telah dielakkan kerana mematuhi prinsip etika muzium moden yang perlu mematuhi atau menjaga sensitiviti ajaran Islam. Lagipun, andainya hal ini tidak dipatuhi, ia bakal membangkitkan protes dan kemarahan penganut Islam (Klas Grinell, 2019). Terdapat dua *precedent* yang menunjukkan hal ini berlaku iaitu protes umat Islam pada tindakan Salman Rushdi yang memburukkan Rasulullah dan para Sahabat. Lagipun, ia termasuk tindakan kartonis Denmark iaitu Charles Hebdo yang melukis karikator menghina Rasulullah SAW (Kenan Malik, 2009).

Kedua, tiada kesedaran tentang peri pentingnya diwujudkan muzium Islam. Bahkan di peringkat antarabangsa, badan seperti ICOM dan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) secara keterlaluan mendedahkan bahawa Islam bersifat anti kepada muzium dan warisan sejarah yang tidak sehaluan dengan prinsip Islam. pandangan anti

muzium ini dipegang oleh penganut ideologi wahabi-salafi jihad yang kuat berpegang pada ideologi ikonoklasme.

Ketiga, agensi yang berkait dengan Islam dilihat oleh pengamal muzium mengidap penyakit atau sifat anti kepada muzium- terbukti daripada tindakan Majlis Fatwa Kedah menolak usaha USM dan negeri kedah yang mahu melakukan carigali tamadun pra Islam di Lembah Bujang. Alasan penolakan ini kerana, Islam melarang keras sebarang usaha untuk menonjolkan realiti/status nenek moyang orang Melayu yang belum lagi memeluk Islam. Kita tidak boleh berbangga dengan nisbah jahiliah yang dianut oleh nenek moyang kita (Abu Talib Ahmad, 2015). Seterusnya, proses carigali ini secara pastinya akan menjumpai artifak daripada era pra Islam seperti candi dan patung berhala yang disembah oleh leluhur kita. Hal ini bakal memalukan leluhur kita (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2003).

2.2 Wahabisme-Salafi Jihad Dan Sikap Anti Kepada Institusi Muzium.

Perbincangan ulama dalam isu muzium dan ilmu Arkeologi memang agak kontroversi sekali. Andainya dilakukan pemetaan terhadap sikap umat Islam dalam isu ini, ianya terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, golongan sekularis yang terima konsep muzium Barat tanpa apa-apa penambahan yang perlu dilakukan. Mengikut Syed Hussin Al-Attas, golongan ini dilanda penyakit watak mentaliti tertawan yang menerima semua perkara daripada Barat secara membuta-tuli kerana kononnya semuanya moden dan patut ditiru (Al-Attas, S. H., 2005).

Kedua, golongan reformis yang mengambil sikap pertengahan (*wasatiyyah*). Mereka sedar bahawa selain konsep muzium Barat membawa elemen positif untuk masyarakat Islam, ia juga mengandungi falsafah dan *world-view* sekularisme. Jadi sebelum ianya boleh diterima pakai oleh umat Islam, ia perlu direview, dibersihkan dan diterapkan dengan *world-view* Islam.

Ketiga, golongan ekstremis (salafi jihad) yang menolak institusi muzium secara mutlak kerana ia berasal daripada budaya Barat. Golongan ini berpegang pada falsafah ikonoklasme (Natalie N. May, 2012). Ia memang dipegang kuat oleh sesetengah penganut Islam, Kristian dan Yahudi. Bagi penganut Islam, aliran wahabi adalah golongan terawal menganut falsafah ikonoklasme ini (Benjamin Isakhan, 2018).

Ulama Arab saudi seperti Sheikh Salih bin Fawzan (<https://www.alfawzan. af.org.sa/en/node/13938>), Ahli Majlis Fatwa Arab Saudi, menentang keras usaha menggali, mencari serta menyimpan bahan sejarah dalam kerangka ilmu Arkeologi sebelum atau selepas zaman Islam. Laman web alukah.net yang dikelola dua ilmuan Arab Saudi, Dr. Sa'ad bin Abdullah al-Humayd dan Dr Khalid bin Abdul Rahman al-Juraysi menghuraikan topik ini secara panjang lebar. Beberapa keburukan ilmu Arkeologi telah dihuraikan antaranya, kemungkinan berlaku usaha membesarakan tamadun bukan Islam dan meminggirkan nilai tamadun Islam. Juga berlaku kemungkinan dakwaan pemilikan atau penjajahan moden negara Bukan Islam ke atas negara Islam hasil daripada sebarang penemuan Arkeologi (<https://www.alukah.net/sharia/0/83058/>).

Walau bagaimanapun, Majlis Fatwa Jordan membezakan pengurusan kerajaan dan usaha individu. Pengurusan kerajaan melalui kementerian bertanggung jawab menjaga perihal sejarah dibenarkan atas dasar kepentingan umum. Jika penemuan Arkeologi itu melibat sesuatu yang galian yang berharga, zakat galian-RIKAZ-perlu dikeluarkan (<https://www.aliftaa.jo/QuestionEn.aspx?QuestionId=1877#Xy-CSgzbcc>).

Setakat pemerhatian, Fatwa Universiti al-Azhar antara yang paling harmoni dalam isu berkaitan membina muzium dan kajian Arkeologi. Dalam jawapan kepada soalan berkaitan kajian

Arkeologi, Syeikh Jad al-Haq ‘Ali Jad al-Haq, Mufti Mesir (dilantik pada tahun 1978) yang juga Rektor Universiti al-Azhar (dilantik pada tahun 1982) memberi jawapan yang agak harmoni dalam isu ini. Menurut beliau kajian Arkeologi terhadap umat lampau dalam berbagai bidang mempunyai manfaat ilmu yang berguna untuk umat Islam. Tambahan pula al-Quran dalam banyak ayat menyarankan umat Islam mengembara dan memerhati sejarah umat silam sebagai pengajaran. Untuk itu, usaha pembinaan muzium, penjagaan bahan pameran Arkeologi dan pameran patung berkaitan penemuan Arkeologi diharuskan Islam asal sahaja ia tidak mempunyai unsur pengagungan kepada bahan tersebut (<http://islamport.com/w/ftw/Web/953/3262.htm>).

Fatwa ulama Universiti al-Azhar antara yang paling harmoni dalam isu berkaitan membina muzium dan kajian Arkeologi. Dalam jawapan kepada soalan berkaitan kajian Arkeologi, Syeikh Jad al-Haq ‘Ali Jad al-Haq, Mufti Mesir (dilantik pada tahun 1978) yang juga Rektor Universiti al-Azhar (dilantik pada tahun 1982) menjelaskan kajian Arkeologi terhadap umat terdahulu dalam pelbagai bidang mempunyai manfaat ilmu yang berguna untuk umat Islam. Tambahan pula al-Quran dalam banyak ayat menyarankan umat Islam mengembara dan memerhati sejarah umat silam sebagai pengajaran. Untuk itu, usaha pembinaan muzium, penjagaan bahan pameran berkaitan penemuan Arkeologi diharuskan Islam asal sahaja ia tidak mempunyai unsur pengagungan kepada bahan tersebut (<http://Islamport.com/w/ftw/Web/953/3262.htm>).

Kesemua fakta tentang permusuhan Islam terhadap carigali arkeologi, muzium dan warisan sejarah memang terbukti salah kerana ia berlawanan dengan *world-view* Islam yang positif dengan subjek sejarah.

1. Kandungan terbesar al-Quran adalah mengandungi, maklumat dan falsafah sejarah yang perlu diketahui dan diamalkan oleh manusia.
2. Islam memang mementingkan proses preservasi dan dokumentasi ilmu dan artifak sejarah untuk dipelajari dan diambil iktibar oleh manusia. Antara institusi terpenting dalam Islam yang terlibat dalam penjagaan bahan sejarah seperti waqf, dilihat mempunyai jasa besar dalam pembangunan sejarah warisan Islam zaman berzaman. Selain itu, sarjana berusaha keras membangunkan konsep dan metodologi ilmu yang menjaga bahan sejarah seperti sistem sanad dan ilmu Jarh wa al-Ta‘dil. Ia bertujuan memurnikan sumber Islam daripada unsur pendustaan disamping memelihara ketulenannya.

Islam sebagai agama yang hidup dan dinamik sifatnya sangat menekankan kepada jawapan ilmu terhadap semua permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam. Jawapan ilmu ini terjelma dalam bentuk sistem fiqh yang khusus untuk sesuatu masalah (Juozas Valčiukas, 2018). Di sini letaknya dinamisme hukum Islam sehingga dunia intelektual Islam memiliki korpus ilmu fiqh yang holistik sifatnya. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu pertama, warisan koleksi fiqh yang dibangunkan oleh fuqaha silam yang dapat dijadikan asas berfikir oleh fuqaha zaman moden. Kedua, karya fiqh semasa yang dibangunkan oleh fuqaha sezaman mengandungi antara lainnya kaedah penyelesaian hukum bagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam semasa.

Seandainya masih belum ada formula jawapan Islam untuk masalah baru ini, fuqaha perlu melakukan penyelidikan ilmiah atas nama ijтиhad. Ia perlu berpandukan kepada sumber al-Quran dan al-Sunnah serta *precedent* fiqh silam. Di samping itu juga, fuqaha-penyalidik tadi perlu mengenalpasti apa-apa prinsip, pendekatan atau falsafah ilmu zaman moden yang mungkin boleh digunakan bagi melahirkan jawapan hukum Islam.

3.0 ETIKA MUZIUM DALAM PENGUKUHAN INSTITUSI MUZIUM DALAM MASYARAKAT: ANALISIS BERDASARKAN ETIKA ICOM DAN PERSPEKTIF ISLAM

International Council of Museums (ICOM) telah menyediakan Kod Etika Muzium yang sekaligus dijadikan Undang-Undang (Statut) ICOM untuk kegunaan muzium seluruh dunia. Kod-kod ini melambangkan prinsip-prinsip yang diterima pakai oleh komuniti muzium antarabangsa. Kod ICOM telah menetapkan piawaian minimun kepada muzium-muzium dan ia melambangkan garis panduan profesional. Di sesetengah negara, piawaian minimun ini telah ditetapkan mengikut undang-undang kerajaan tersendiri. Ia juga mengikut piawaian profesional yang bertindak sebagai sistem ‘akreditasi’ atau sistem penilaian yang setaraf.

Bagi negara ataupun muzium yang tidak mempunyai piawaian yang spesifik perlu merujuk kepada Sekretriat ICOM, Jawatankuasa ICOM atau pihak yang berkaitan. Organisasi yang berkaitan dengan muzium juga dinasihatkan untuk mengikut piawaian ini dalam mencapai piawaian asas bagi sebuah muzium dan mengembangkannya. Kod ini telah diterbitkan dalam tiga bahasa utama; Bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol namun ICOM mengalu-alukan penerbitan kepada bahasa-bahasa lain dan garis panduan terjemahan boleh didapati dari Sekretariat Am ICOM.

Terdapat serangkaian etika yang telah ditetapkan untuk kegunaan muzium seluruh dunia. Daripada kesemua etika ini kita dapat menyelami hasrat, fungsi, peranan dan procedural yang dikehendaki oleh ICOM. Daripada garis panduan ini, kita dapat mengenalpasti isu sejarah, pendekatan, falsafah, cabaran yang dihadapi oleh muzium.

3.1 Fungsi Asas Muzium untuk Memelihara, Menjelas dan Mempromosi Alam Semulajadi, Budaya Serta Perkembangan Manusia

Prinsip ini antara lainnya mengajar kepentingan usaha menghargai kepentingan sejarah dalam kehidupan manusia. Ia diikuti dengan usaha merakam dan mendokumentasikan warisan *tangible* dan *intangible* milik bersama sesuatu bangsa. Selanjutnya, ia harus diikuti dengan usaha mempelajari warisan yang terhasil daripada proses pendokumentasi ilmu.

Muzium boleh dianggap sebagai sebuah institusi terpenting dalam dunia moden. Semua negara di dunia didapati memiliki muzium tersendiri yang berperanan untuk yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat, menyelidik dan mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan memberikan ilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang perihal pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa (Ab Samad Kechot, 2012).

Prinsip pertama ini memang bertepatan dengan ajaran Islam. Bahkan ia dapat dianggap sebagai usaha terpuji yang patut disokong kerana beberapa sebab utama;

Pertama, ia adalah pendekatan dialog peradaban yang sangat diperlukan manusia (Azizan Baharuddin, 2005). Pendekatan dialog peradaban ini mengajar masyarakat dunia bahawa setiap tamadun manusa memiliki elemen kekuatan dan kelemahan yang perlu dipelajari oleh manusia. Dalam proses ini, memang berlakunya interaksi antara pelbagai tamadun dunia.

Mengikut Chandra Muzaffar (2003), dialog peradaban bermaksud inter-komunikasi dan persefahaman antara tamadun berdasarkan kepada elemen penting iaitu memahami budaya berbeza tanpa ada rasa prejedis terhadap masyarakat lain. Lebih lanjut lagi, ia dapat difahami sebagai perundingan, interaksi positif antara dua pihak, komunikasi dua hala atau lebih peradaban

yang bertujuan untuk memupuk persefahaman dan pengertian, berkongsi perspektif dalam menyelesaikan masalah dalam pelbagai aspek, bertoleran sesama rakan dialog yang berlainan peradaban, kerjasama yang disepakati, bertukar-tukar pendapat dan fikiran dan sebagainya. Istilah dialog peradaban bukanlah perkara baru dalam dunia peradaban manusia. Malah perkataan tersebut merupakan perkataan yang lama dari segi aplikasinya dalam kehidupan manusia sejak wujudnya manusia di bumi ini (Aminudin Hehsan, 2016).

Kedua, ia menekankan kepentingan warisan sejarah untuk menjadi asas jati diri bagi sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat akan berbangga dengan warisan tamadun di miliki oleh tamadun mereka. Ia terdiri daripada warisan nyata dan tidak nyata yang menjadi asas kebanggaan yang bakal dipertahankan. Asas ini kemudiannya menjadi sumber jati diri, kekuatan dan pemahaman yang perlu diingati seandainya sesuatu masalah terjadi.

Mengikut Mahmud Syahrur, setiap manusia dalam menangani kehidupannya terpaksa bergantung kepada sejarah yang membabitkan tiga dimensi (berlalu, sekarang dan akan datang). Ketiga-tiga dimensi ini perlu ditangani secara seimbang. Asas telah lalu (sejarah) tidak boleh ditinggalkan kerana ia merupakan pedoman berguna bagi kita menghadapi zaman sekarang dan akan datang. Warisan sejarah ini menjadi akar kekuatan diri setiap manusia, agar tidak melupakan akar umbi sejarahnya kerana tanpa akar umbi sejarah manusia akan hilang identitinya (seperti kiambang di atas air yang tiada bumi untuk ia menyalurkan akar yang menyebabkan ia tidak tahan lama) (Zainal Kling, 2000).

Jadi, kewujudan sesuatu tamadun perlu bergantung kepada bukti nyata yang dimiliki. Mengikut aksioma orientalisme (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2011), pembuktian tentang kewujudan tamadun manusia menetapkan bahawa " wujud ataupun tidak sesuatu tamadun material dan intelektual bagi sesuatu masyarakat atau kerajaan bergantung sepenuhnya kepada adanya atau ditemui artifak yang mengandungi maklumat tentang tamadun tersebut. Andainya tidak ditemui artifak bersejarah ini maka mereka akan menganggap bahawa memang tidak wujud tamadun yang didakwa ini."

Atas dasar itu, dalam konteks Malaysia, bukti-bukti artifak dan monument yang menjadi bukti kewujudan tamadun di Tanah Melayu perlu ditonjolkan. Lebih penting lagi, ia perlu dikekalkan dan dimasukkan sebagai bahan utama untuk Pendidikan sejarah di Malaysia. Memang terbukti pedagogi Pendidikan sejarah berdasarkan galeri di muzium sangat berkesan dalam konteks zaman moden (Azman Ligun, 2017).

Kita dapat memahami kepentingan bukti kewujudan tamadun ini dengan meneliti tindakan Daesh yang merosakkan monumen dan artifak sejarah di Kawasan yang dikuasai oleh mereka di Syria dan Iraq. Bagi Daesh, bukti monumen dan artifak sejarah yang menjadi identiti milik golongan bukan Islam perlu dihapuskan. Tindakan merakam usaha pemusnahan artifak dan monument sejarah telah dibuat dengan cukup sistematik dan disebarluaskan ke seluruh dunia melalui media sosial (Ahmad Farid Abd Jalal, 2020). Ia secara terang-terangan menunjukkan Daesh sengaja mencabar dan melukakan hati musuhnya dengan merosakkan tinggalan sejarah yang menjadi bukti dan identiti sejarah yang dibanggakan (Kaitlyn Armendariz, 2017).

Dalam majalah Dabiq ada menjelaskan:

"The kuffar [unbeliever] had unearthed these statues and ruins in recent generations and attempted to portray them as part of a cultural heritage and identity that the Muslims of Iraq should embrace and be proud of. Yet this opposes the guidance of Allah and His Messenger and only serves a nationalist agenda" (Dabiq 2015a, p. 22).

Selain itu juga mereka memusuhi monumen dan artifak sejarah milik penganut Islam sendiri yang tidak sehaluan dengan mereka. Daesh telah merosakkan pusat ibadat, muzium, manuskrip dan arkid lama yang memiliki intipati ajaran yang bertentangan dengan Daesh (Patrick Blannin, 2017).

3.2 Muzium dan Isu Perolehan Serta Penjagaan Koleksi

Menurut Eliot (1984) dan Isherwood (1979), muzium merupakan simbol ketamadunan dan kemunculan budaya ilmu yang dimiliki oleh masyarakat Barat. Ia hanya wujud dengan usaha budaya ilmu membabitkan pencarian ilmu yang berterusan. Ia dalam bentuk penjelajahan bangsa eropah ke kawasan luar dan pengumpulan artifak dan specimen alam botani, zoology, mineral dan sosio-budaya masyarakat.

Atas dasar itu, koleksi yang dimiliki oleh muzium Barat merupakan bukti sahih yang dapat dipertontonkan kepada masyarakat umum. Terdapat lebih daripada 30 ribu buah muzium di mana 13, 500 terdapat di Eropah sementara di Britain mempunyai lebih kurang 5 ribu buah. Jumlah koleksi dan spesimen yang dikumpul di seluruh dunia adalah lebih daripada 100 juta dan dipercayai Natural History Muzium London merupakan muzium yang mempunyai koleksi terbesar iaitu sebanyak 67 juta specimen (Kamarul Baharin AK, 1999). Ia secara langsung membuktikan bahawa muzium merupakan pusat sumber atau gedung ilmu untuk mempelajari aspek- aspek warisan budaya dan tamadun yang perlu dipelihara.

Etika ICOM menetapkan bahawa;

- i. Muzium tidak boleh memperoleh/menerima objek dan spesimen hasil dari kerja lapangan yang haram/tidak sah atau objek yang menyebabkan kemasuhanan monumen, tapak arkeologi atau geologi, mahupun spesis dan habitat semulajadi. Dalam kata lain, perolehan tidak boleh berlaku sekiranya bahan/spesimen gagal dikenalpasti siapa pemilik atau pemilik tapak/tanah atau kerajaan/pihak berwajib.
- ii. Tinggalan mayat dan bahan-bahan suci (agama) hanya boleh diterima jika ia disimpan dengan selamat dan dengan penuh hormat. Ini selaras dengan standard profesional serta pentingnya kepercayaan, etnik dan agama masyarakat dari mana objek/spesimen diperoleh.

Untuk proses penjagaan koleksi, ia menetapkan bahawa;

- i. Muzium perlu menubuhkan dan mengikut polisi untuk memastikan koleksi (tetap dan sementara) dan yang disimpan direkod dengan sempurna, boleh digunakan pada masa sekarang dan boleh digunakan untuk jangka masa yang akan datang dengan selamat dan praktikal, seiring dengan perkembangan ilmu dan sumber.
- ii. Tanggungjawab profesional termasuk penjagaan koleksi seharusnya dipertanggungjawabkan kepada pihak yang mempunyai ilmu dan kemahiran atau seseorang yang diperhatikan.
- iii. Koleksi muzium perlu didokumentasi mengikut piawaian profesional. Dokumentasi perlu termasuk pengenalan lengkap dan deskripsi setiap koleksi, syarat, wilayah asal, penjagaan dan dimana ia ditempatkan. Data-data perlu disimpan di tempat yang selamat dan mempunyai sistem pengesanan yang baik supaya dapat dikesan mudah oleh pegawai atau yang berkaitan.

Kedua-dua prinsip ini memang bertepatan dengan prinsip Islam yang berteraskan prinsip sukarela tanpa paksaan. Untuk isu penjagaan koleksi pula, ia memang bertepatan dengan usaha konservasi terhadap warisan, monumen, dokumen dan artifak sejarah. Sejak awal lagi, Islam menekankan agar semua dokumen sejarah perlu dijaga dan dicatatkan, atau lebih khusus lagi perlu dikonservasikan. Ia membabitkan kedua warisan sejarah iaitu warisan *tangible* (nyata) dan *intangible* (tidak nyata).

Konservasi kedua warisan ini amat penting kerana ia menjadi bukti kewujudan sesuatu tamadun dan terpenting sekali ia bakal menjadi asas jati diri dan sumber kebanggaan bagi sesuatu masyarakat Islam. Secara tidak langsung, usaha konservasi ini bertepatan dengan maksud Maqasid Syariah. Apa yang jelasnya, penjagaan bukti sejarah yang berupa objek kelima Daruriyyah (agama, akal, nyawa, keturunan dan harta) amat penting bagi membuktikan kewujudan sesuatu tamadun. Atas sebab itu, dalam sejarah Islam kita dapat terdapat institusi wakaf (Hossam Mahdy, 2017) dan perpustakaan besar seperti Darul Hikmah milik kerajaan bani Abbasiah (Ruth Stellhorn Mackensen, 1935) dan kerajaan Fatimiah di Mesir (Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, 2000). Kesemua institusi ini memainkan peranan menjaga dan konservasi warisan tangible dan intangible milik umat Islam.

Bagi warisan *intangible*, penjagaannya amat ditekankan yang terbukti sebagai contohnya apabila sistem isnad diperkenalkan demi untuk menjaga autoriti dan kebenaran sesuatu dokumen dalam Islam (Siti Fahimah, 2014).

Permasalahan terbesar yang dihadapi oleh umat Melayu Islam adalah tiadanya usaha untuk menjaga atau konservasi terhadap dokumen dan bukti sejarah. Contoh terbaik boleh dilihat kepada realiti kegagalan umat Islam di Tanah Melayu menjaga pelbagai manuskrip Melayu Islam yang dimiliki. Ia menyebabkan sebahagian besar warisan *intangible* ini telah musnah. Lebih memalukan lagi, kebanyakan manuskript ini wujud dan terjaga kerana usaha pihak kolonial British (Holger Warnk, 2010). Mereka telah mengumpul dan melakukan preservasi manuskrip ini di British library yang dapat dirujuk oleh penyelidik Malaysia di zaman selepas merdeka (Jelani Harun, 2008).

3.3 Koleksi Muzium dan Isu Penyelidikan dan Pendidikan

Etika ICOM menetapkan bahawa;

- i. Muzium yang melakukan penyelidikan mengambil koleksi lapangan perlu mencipta dasar/polisi yang seiring dengan piawaian akademik serta boleh diguna pakai di peringkat nasional dan antarabangsa (perundangan). Kerja lapangan perlu mengambil kira pendapat/sensitiviti masyarakat setempat, sumber mereka dan amalan budaya disamping mencari warisan budaya serta semulajadi.
- ii. Penyelidikan yang dijalankan oleh pegawai muzium perlu berkait dengan misi dan objektif muzium serta mengikut perundangan, etika dan akademik.
- iii. Penyelidikan terhadap mayat dan bahan suci perlu dibuat dengan piawaian yang profesional dan mengambil kira kepercayaan, etnik dan agama komuniti dari mana bahan itu didapati.
- iv. Muzium-muzium mempunyai satu tanggungjawab untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dengan rakan sekerja, ahli akademik dan pelajar dalam bidang yang berkaitan. Mereka perlu menghormati dan mengiktiraf pihak yang telah mengajar dan mengembangkan ilmu tersebut kepada awam.

- v. Pegawai muzium perlu mengiktiraf dan menyokong keperluan kerjasama diantara institusi yang berkongsi minat dan koleksi yang sama. Keutamaan kepada institut pendidikan tinggi serta badan-badan yang boleh menyumbang kepada koleksi.

Dalam memajukan Pendidikan pula, etika ICOM menetapkan bahawa;

- i. Muzium mempunyai tugas penting dalam memperkembang fungsi pendidikan mereka dan menarik lebih ramai pengunjung dari komuniti setempat. Hubungan baik dengan komuniti dan mempromosikan warisan merupakan salah satu tugas penting muzium dalam bidang pendidikan.
- ii. Untuk setiap galeri pameran sama ada berbentuk fizikal atau elektronik perlu seiring dengan misi, dasar/polisi dan tujuan sesebuah muzium. Muzium tidak seharusnya menepikan kualiti atau penjagaan dan konservasi mana-mana koleksi.
- iii. Untuk proses interpretasi sesuatu pameran, Muzium seharusnya memastikan maklumat yang diletakkan pada panel pameran adalah mempunyai penyelidikan yang baik, tepat serta mengambil kira juga agama dan kepercayaan sesetengah kaum/kumpulan.

Kesemua prinsip dan etika ini secara langsung menekankan usaha pemerkasaan pendidikan sejarah tamadun Islam. Pada dasarnya, institusi muzium Islam mesti berteraskan usaha menerapkan Sejarah tamadun Islam. Elemen kepentingan budaya ilmu dan subjek sejarah ini memang terdapat penegasan utama dalam al-Quran. Sarjana Islam menyatakan bahawa sebahagian besar kandungan Quran membabitkan pengajaran sejarah membabitkan sejarah umat nabi-nabi terdahulu (Al-Quran (42):13). Ianya amat penting untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka program perancangan masa hadapan dengan lebih baik dan terancang (Abdul Rahman Abdullah, 2001). Secara strukturalnya, demi untuk menghidupkan budaya ilmu dan kepentingan sejarah ini diperlukan mewujudkan institutsi pendidikan Islam dan muzium. Keduanya berjalan seiring sejalan saling memperkuatkan antara satu sama lain.

Muzium dapat bertindak sebagai institusi semi pendidikan yang mampu menerapkan kesedaran sejarah kepada masyarakat (Mehdi Hodjat, 1995). Ia tidak harus dilihat sebagai institusi gajah putih yang terpisah daripada falsafah sejarah Islam. Sebaliknya ia harus dilihat secara mendalam membabitkan elemen falsafah khususnya apa yang disumbangkan oleh institusi terbabit. Maksudnya, ia harus dapat menjana pemikiran sejarah bagi setiap pengunjungnya.

Pendidikan Islam moden akan menjadi lebih berkesan apabila digunakan melalui mekanisme muzium. Pengkaji moden telah mengakui hal ini sehingga mereka menekankan peri pentingnya diterapkan pedagogi pendidikan berasaskan muzium. Keberkesanannya ini berpunca daripada kelebihan pendidikan berasaskan muzium yang memungkinkan pengunjung memahami sesuatu fakta melalui pembuktian objek/artifak dan bukannya secara teori abstrak seperti mana dipelajari di sekolah (Badrul Isa, 2017).

Setiap galeri muzium mesti menerapkan pemikiran sejarah kepada pengunjungnya. Secara umumnya, kemahiran Pemikiran Sejarah ini merujuk kepada proses berfikir secara analitis, kritis dan kreatif bertujuan memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu untuk dihubungkan dengan masa kini dan sebagai persediaan untuk masa akan datang (S. Azman Ligun, 2017).

Terdapat lima kategori pemikiran Sejarah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Shakila Che Dahalan, 2015);

1. Memahami kronologi: Ia bermaksud memahami kronologi perjalanan sejarah masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan tentang sesuatu peristiwa Sejarah yang berlaku. Ia adalah kemahiran memahami konsep masa mengikut kemajuan sesuatu tamadun, memahami peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya.
2. Menerokai bukti: Ia adalah kemampuan meneroka bukti atau sumber sejarah mengikut hirakinya, membuat perbandingan antara sumber dan mendapatkan maklumat daripadanya. Seorang guru Sejarah berperanan membimbang murid untuk menerokai bukti melalui kajian gambar, dokumen Sejarah dan surat khabar untuk membuat pertimbangan menggunakan akal fikiran mengesahkan sesuatu pernyataan atau sebab sesuatu peristiwa Sejarah.
3. Membuat interpretasi: Ia adalah kemahiran membuat ulasan dan kupasan terhadap sesuatu peristiwa Sejarah supaya memahami perkaitan antara fakta Sejarah dan tafsiran Sejarah. Kemahiran membuat interpretasi ini juga bermakna masa lalu difahami melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik sehingga dapat membantu individu hidup dengan lebih baik pada masa hadapan.
4. Membuat imaginasi: Ia adalah kemahiran menghayati secara visual dan empati sesuatu situasi dalam peristiwa silam Sejarah. Ia mampu membuat imaginasi dalam bentuk menghayati peristiwa Sejarah, menyatakan perasaan, memainkan peranan watak dan membayangkan diri berada dalam peristiwa Sejarah.
5. Membuat rasionalisasi: Ia adalah penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Ia membabitkan proses mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferensi daripada data yang dikumpul dapat membimbang dalam untuk membuat keputusan yang lebih baik pada masa hadapan. Membuat rasionalisasi bermaksud membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelesaikan masalah, menjelaskan sebab-sebab sesuatu peristiwa Sejarah, kesan, dan akibat setelah mencari bukti, membuat imaginasi dan membuat interpretasi sesuatu peristiwa Sejarah.

3.4 Muzium dan Kerjasama dengan Masyarakat

ICOM dalam beberapa pertemuan sesama rakan ahli membawa agenda agar muzium merapatkan diri dengan masyarakat. Justeru itu, etika ICOM menetapkan beberapa perkara;

- i. Koleksi muzium melambangkan warisan budaya dan semulajadi yang diadaptasi dari komuniti setempat. Hal ini boleh jadi termasuk dengan identity nasional, negeri/kawasan, tempatan, etnik, agama atau politik. Oleh itu, adalah penting untuk dasar-dasar muzium berkait rapat dengan pewatakan ini.
- ii. Muzium perlu mempromosi perkongsian ilmu, dokumentasi/data dan koleksi dengan muzium-muzium dan organisasi budaya di dalam negara. Kebarangkalian untuk melebarkan kerjasama dengan muzium-muzium yang kehilangan signifikan warisan mereka perlu lebih dititik beratkan.

Agenda ICOM ini bertepatan dengan kemunculan falsafah kesedaran muzium baru (Tania Cleary, 2006). Konsep ini terangkum dalam beberapa perkara;

- i. Usaha merapatkan hubungan Muzium dengan masyarakat.
- ii. Usaha mengaitkan muzium dengan isu kemanusiaan, pendidikan, ICT, komunikasi dan kesedaran alam sekitar.
- iii. pembebasan muzium daripada pengaruh colonialism.

Falsafah muzium baru ini lahir pada tahun 1980an apabila sekelompok sarjana muzium sepakat mengkritik pendekatan muzium klasik yang lebih bersifat inklusif (tertutup) dan tidak terbuka pada masyarakat awam. Terdapat dua orang sarjana muzium yang terbabit iaitu Peter Vergo dan Sharon Macdonald. Keduanya terpengaruh dengan pemikiran falsafah pasca modenisme yang dibawa oleh Edward Said, Foucault dan Bourdieu. Sebagai alternatif, mereka membawa gagasan eko-muzium yang merapatkan muzium dengan masyarakat (Poulot, Dominique, 1994). Lebih penting lagi, mereka mengkritik pendekatan muzium klasik (Hein, Hilde, 2000);

“New museology as a movement which highlighted the need for museums to critically examine contemporary museum practices and theory. The movement sought to point out that museums had never been as neutral or unbiased as they had previously claimed to be. What new museology did was to look critically at the institutional history of museums and point out systems of power and knowledge authority that were tied to the practices regarding the museum’s collections and exhibitions”.

Kemudiannya, kesedaran muzium baru ini turut terpengaruh dengan teori *counter colonialism*. Teori ini turut mempengaruhi kesemua bidang ilmu merangkumi sains, sastera, sejarah, pengijian Islam dan termasuk permuziuman. Pengasas terawal yang membawa idea teori *counter colonialism* adalah Edward Said (1981). Bukunya bertajuk *Orientalism* menjadi rujukan utama sarjana *counter colonialism* ini.

Bagi prinsip keterbukaan muzium dengan masyarakat ia lebih bercirikan mesra masyarakat (community oriented) dan para pengunjung bebas mengkaji dan mengkritik apa yang dibentangkan oleh kurator. Ia berkhidmat untuk memajukan pemikiran masyarakat. Ini termasuk usaha menjadikan muzium sebagai medium untuk tujuan pendidikan dan *nation building* (Ahmad Farid Abd Jalal et.al, 2019).

3.5 Muzium dan Kesedaran Pasca Colonial.

Keunikan institusi muzium terserah apabila ia sentiasa terdedah dengan perkembangan falsafah baru yang muncul dalam dunia intelektual. Dalam soal pengaruh pasca kolonial, muzium telah terpengaruh dengan empat perkara iaitu pertama, pemakaian pendekatan yang kritikal terhadap kolonialisme Barat; kedua, pendekatan yang melihat dunia daripada kacamata golongan yang tertindas (*Subaltern*). Ketiga, pemikiran yang mengangkat ketinggian tamadun tempatan mengatasi tamadun Barat dan keempat, pendekatan pemikiran yang bersifat kritikal (Syed Hussein Al-Attas, 2005), selektif, analatikal dan rasional (Awang Azman Awang Pawi, 2009).

Merujuk kepada isu pasca kolonial di atas, etika ICOM antara lainnya menetapkan prinsip pemulangan harta warisan dan bahan budaya dari negara dijajah. Ia menetapkan bahawa;

- i. Muzium harus sentiasa bersedia untuk melakukan perbincangan untuk pemulangan harta warisan kepada sesebuah negara atau masyarakat asal objek tersebut. Ia harus dilaksanakan secara tidak berat sebelah berdasarkan prinsip saintifik/ilmiah, profesional dan kemanusiaan serta perundungan tempatan, nasional dan antarabangsa yang berlaku, sebagai pilihan untuk bertindak di peringkat pemerintahan atau politik.
- ii. Apabila sesebuah negara atau masyarakat menginginkan pemuliharaan objek/spesimen yang telah terbukti melanggar undang-undang nasional atau antarabangsa - dan ia terbukti adalah hak milik negara/masyarakat itu - muzium seharusnya bertanggungjawab serta bekerjasama dalam pemulangan objek tersebut.

- iii. Muzium seharusnya mengelak dari membeli/menerima bahan-bahan budaya daripada negara/kawasan yang dijajah serta perlu menghormati kesemua undang-undang serta konvesyen yang membolehkan import, etidak port dan pemindahan hak milik bahan warisan budaya serta semulajadi.
- iv. Apabila aktiviti muzium melibatkan komuniti komtemporari dan/atau warisan mereka, perolehan perlu dibuat berdasarkan maklumat dan persetujuan bersama tanpa eksplorasi pemilik atau pemberi maklumat. Kehendak masyarakat yang terlibat juga perlu diambil kira.
- v. Penggunaan koleksi dari komuniti kontemporari memerlukan penghormatan kepada maruah serta tradisi dan warisan yang digunakan. Koleksi yang ada perlu mempromosi kebaikan serta perkembangan sosial, tolak ansur dan hormat dengan mengadapatis ekspresi yang berbilang budaya, bahasa serta sosial.
- vi. Untuk pameran bahan sensitif seperti mayat dan bahan suci perlu disusun dengan piawaian profesional dan mengambil kira kepercayaan, etnik serta minat tempat asal objek tersebut. Ia perlu dipersembahkan dengan cara yang baik dan terhormat serta bermaruah.

Joseph Maria (2016) telah melakukan kajian terhadap artifak masyarakat tanah jajahan yang tersimpan di muzeum di Barat. Ia mendedahkan daripada rekod sejarah yang dicatat oleh penjajah Eropah sendiri tentang beberapa fakta yang agak mengemparkan. Antaranya artifak berharga milik masyarakat peribumi di Afrika, Timur Tengah, India dan Asia kebanyakannya dirampas oleh penjajah Eropah yang dianggap sebagai harta rampasan perang. Mereka memang mengetahui artifak ini yang berupa patung objek keagamaan, perhiasan emas, tembaga, gading, peralatan senjata, manuskript ilmu dan sebagainya memang mempunyai pasaran yang tinggi di Eropah.

Kebetulannya fenomena mengumpulkan bahan artifak eksotik dalam koleksi muzeum memang menjadi kegilaan di Eropah pada abad ke-18. Peminat barang eksotik ini sanggup membeli dan menaja proses mendapatkannya di tanah jajahan. Dilaporkan timbul rungutan pihak muzeum pusat di Eropah tentang ketidaan ruang yang mencukupi untuk menyimpan jumlah artifak yang terlalu banyak (Joseph Maria Van Beurden, 2016).

Bahkan ada di antara artifak ini yang telah rosak teruk apabila kurang mendapat penjagaan yang baik. Contohnya, apa berlaku kepada Batu Pucangan dan Batu Catatan Raja Sailendra daripada Indonesia. Keduanya telah rosak teruk akibat tidak dijaga dengan oleh pegawai British. Hal ini dicatatkan oleh Joseph Maria (2016);

“In 1812 Colonel Colin Mackenzie of the British-Indian forces in Java collected the Pucangan Stone. It was shipped to the colonial administration in India and is currently in a storeroom of the Indian Museum in Kolkata. Through the years, the clarity of the inscription on ‘the sole known documentary source’ about the reign of King Airlangga (1019 - 1049), has been damaged. In the same period, Mackenzie collected the 10th century East-Javanese Sangguran stone, also with a rare inscription. Lieutenant-Governor T.S. Raffles donated it to the Governor-General of India, Lord Minto. Upon his departure, Minto took ‘the last known recorded document issued by the Sailendra rulers of ancient Mataram in Central Java (8th - 10th century)’ to his estate in Scotland, where heavy winds and rain erased the inscription of what has become now a ‘garden ornament’. The Minto family wants a high sum as compensation, which Indonesia is unwilling to pay”.

Memang diakui, ada artifak atau manuskrip yang dihadiahkan oleh pemerintah Alam Melayu kepada kuasa penjajah British dan Belanda. Ia sebagai tanda hubungan diplomatik dibina antara keduanya. Namun begitu, sejarah mencatatkan sebahagian besar artifak ini seperti mana tercatat di

muzium Barat sebagai *Token of War*. Ada sesetengahnya dijadikan sebagai bahan historiografi milik masyarakat tanah jajahan. Apa yang malangnya, kesemua bahan historiografi ini apabila dilakukan kajian oleh sarjana kolonial sering didedahkan sebagai tidak bermutu dan penuh dengan elemen mitos. Bahkan ia dijadikan alat utama untuk merendahkan masyarakat terjajah (Joseph Maria Van Beurden, 2016).

Keterbukaan kurator muzium Barat menerima falsafah pasca kolonial yang mengkritik paparan kolonial tentang masyarakat tanah jajahan. Sarjana-kurator muzium ini mengakui pihak kolonial British dan Belanda terlibat dalam bentuk perdagangan yang mementingkan keuntungan melebihi perkara lain, sehingga sanggup menindas dan menjelaskan kemanusiaan itu sendiri (Richard B. Allen, 2009). Mereka terlibat dalam perdagangan senjata, candu dan hamba (Van Welie, Rik, 2008). Dalam banyak hal, mereka memaksa pihak pemerintah tempatan di Tanah Melayu dan Indonesia memberikan hak monopoli hanya kepada mereka.

4.0 SYARAT TAMBAHAN HUKUM ISLAM TERHADAP ARTIFAK MUZIUM

Penulis mencadangkan bahawa artifak muzium mesti berdasarkan kepada prinsip tauhid dan melawan syirik. Bagi memastikan bakat kurator bertepatan dengan prinsip Islam, ia mesti dipandu oleh disiplin akidah, syariah dan tasawuf. Akidah adalah swadaya kepada rukun iman dan rukun Islam berdasarkan kepada dalil yang sahih sehingga mencapai darjah yakin. Ia adalah doktrin asasi yang mendasari kehidupan setiap muslim sehingga menjadi moto yang membentuk segenap pemikiran, emosi dan tingkah laku bersandarkan syariat Islam. Keutuhan akidah terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran (*aql*), daya memilih (*iradah*) dan perasaan (*wujdan*).

Antara contoh garis panduan akidah yang wajib difahami dan dipatuhi oleh kurator Islam adalah penekanan Islam kepada prinsip Tauhid dan penolakan prinsip Syirik. Melalui konsep Tauhid ini, Islam menetapkan terdapat perbezaan yang jelas di antara Tuhan dengan makhluk. Tuhan adalah Tuhan dan ianya berbeza daripada makhluk dimana makhluk dalam apa bentuk sekalipun bukannya jelmaan daripada Tuhan yang harus ditakuti.

Alam dan makhluk adalah ciptaan Allah yang Maha Berkuasa secara mutlak, di mana kedua-duanya hanya tunduk dan mentaati Allah swt semata-mata. Perbuatan syirik kepada Allah swt tidak dibenarkan sama sekali, kerana ianya mengakibatkan kezaliman yang amat besar dan tidak akan diampunkan oleh Allah swt. Perbuatan syirik ini boleh berlaku dalam dua bentuk, samada menyekutukan Allah swt dengan kuasa ketuhanan yang lain ataupun menjadikan manusia atau nafsu sebagai kuasa penentu yang bertaraf seolah-olah seperti Tuhan. Dengan kata lain, kedua-dua bentuk syirik ini iaitu Syirik *Jali* dan Syirik *Khafi* perlu disedari sepenuhnya oleh umat Islam (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2006). Matlamat utama daripada pendekatan anti-syirik ini adalah bagi menjuruskan pengabdian insan hanya kepada Allah swt, yang bakal melahirkan manusia yang berjiwa bebas, merdeka dan tidak tunduk kepada manusia dan selainnya yang boleh mengantikan posisi Tuhan penentangan Islam terhadap sebarang bentuk amalan Syirik samada secara terang atau tersembunyi (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2000).

Dalam soal ini, dapat dikatakan bahawa apa-apa sahaja aktiviti, objek dan artifak yang hendak dipamerkan dalam muzium tidak boleh bertentangan dengan prinsip akidah. Begitu juga halnya apa-apa yang boleh membawa kepada kesyirikan kepada Allah secara halus atau terangan tidak dibenarkan sama sekali.

Atas dasar itu, Islam menegah penyimpanan bahan berbentuk patung atau arca. Larangan ini berasaskan kepada nas antaranya: Jangan sesekali kamu tinggalkan patung melainkan kamu perlu musnahkannya, juga (jangan kamu biarkan) ada kubur yang ditinggikan binaannya melainkan kalian perlu ratakannya (Hadith Riwayat Muslim, no. 1609; Abu Dawud, no. 2801; al-Tirmidhi, no. 970).

Larangan ini sebagai suatu langkah pencegahan daripada wujudnya pemujaan kepada sesuatu arca atau patung. Al-Quran merekodkan, syirik dalam sejarah manusia bermula dengan pemujaan awal kepada patung lima tokoh yang pernah wujud sebelum zaman Nabi Nuh AS: Dan (ketua kaum Nabi Nuh) (menghasut kaumnya menentang Nabi Nuh dengan) berkata: Jangan kamu tinggalkan (penyembahan) semua tuhan kamu, terutama sekali (penyembahan berhala) Wadd, Suwa', Yaghuth, Ya'uuq, dan Nasra (Al-Quran (71): 23).

Lima nama berhala itu berasal daripada nama lima tokoh atau orang soleh yang pernah hidup selepas zaman Nabi Adam AS. Selepas meninggal dunia, para pengikut mereka membina patung menyerupai wajah mereka sebagai kenangan. Selepas beberapa generasi, arca mereka disembah sebagai berhala (Al-Tabari, 2001). Ini antara sebab mengapa Islam menegah kewujudan patung sebagai langkah pencegahan awal terjadinya pemujaan atau pengagungan.

Disamping itu juga, Islam melarang unsur memuliakan makhluk atau watak yang secara terang dihina Allah dalam al-Quran seperti Firaun. Usaha pengumpulan dan penjagaan secara rapi apa sahaja yang melibatkan watak tersebut dibimbangi menyangah larangan Allah dalam al-Quran: Dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka dia tidak akan beroleh sesiapapun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancang-Nya (Al-Quran (22): 18).

Sayugia ditegaskan bahawa berasaskan kepada kerangka *world-view* Islam, objek untuk muzium mesti dipilih berteraskan prinsip tauhid dan patuh syariah. Selain itu, terdapat kriteria lain yang perlu dipatuhi, antaranya pengharaman beberapa perkara:

- i. Ukiran yang berjasad seperti patung yang menjurus pada berhala. Ia tidak kira samada patung itu lengkap ataupun tidak.
- ii. Lukisan manusia atau binatang yang ada elemen penyembahan seperti berhala. Ia termasuk arca atau berhala milik tamadun pra Islam milik masyarakat Melayu sendiri. Tidak dibolehkan untuk berbangga dengan warisan bukan Islam yang menjurus kepada kesyirikan kepada Allah.
- iii. Lukisan yang mengambarkan elemen alam metafizik seperti Allah, syurga, neraka, Nabi dan sebagainya. Kesemua perbuatan ini diharamkan dalam Islam kerana ia bakal menjadikan seseorang itu terjerumus ke lembah syirik.

Kesemua syarat dikemukakan lebih berupa elemen perancangan strategik dalam bentuk *sadd zarai*, iaitu menutup pintu kerosakan yang bakal timbul walaupun ianya harus pada hukum asalnya. Hal ini kerana amalan berhala wujud disebabkan amalan *taswir* yang tidak terkawal. Aplikasi contoh dapat dilihat diamalkan oleh muzium-muzium terkenal di seluruh dunia seperti Muzium Kesenian Islam di Doha, Qatar, Muzium Kesenian Islam di Kaherah, Mesir, Muzium Sharjah di Emeriah Arab Bersatu dan lain-lain yang mengamalkan falsafah yang sama.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan akhirnya, dapat ditegaskan bahawa perjalanan institusi muzium dunia menjadi lebih terurus dan sistematik kerana ia terikat dengan prinsip dan etika muzium yang ditetapkan

oleh ICOM. Hasil analisa yang dibuat terhadap etika muzium ini ternyata ianya memang bertepatan dengan prinsip Islam. Hal ini mendorong kita menegaskan bahawa tohmahan bahawa Islam adalah agama yang anti muzium adalah tidak benar sama sekali. Terpenting sekali, sarjana Islam perlu melakukan ijihad dengan mewujudkan konsep muzium Islam yang lebih bertepatan dengan *world-view* Islam sejati.

Penghargaan

Dapatkan ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan FRGS/1/2019/SS103/UM/02/6 yang bertajuk “Module Development on the Deradicalisation of Religious Terrorism based on the Local Malay-Muslim Approach” yang telah dianugerahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah - Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (002.MUZEEOLOGI/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada KPM dan ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

Rujukan

- Ab Samad Kechot (2012). Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (8), 35-46.
- Abdul Rahman Abdullah (2001). *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Utusan Pub & Dist.
- Abdul Rahman Abdullah (2003). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abu Talib Ahmad (2015). *Museums, History and Culture in Malaysia*, Singapura: NUS press.
- Ahmad Farid Abd Jalal (2020). Muzium dan Agenda Counter Islamophobia: Satu Analisis. *Ideology Journal*, 5 (1), 1-16.
- Ahmad Farid Abd Jalal (2020). Muzium dan Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia. *Jurnal Uhwan*, 5 (1), 27-44
- Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid & Rahimin Affandi Abd Rahim (2019). Kesedaran Muzium Baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2 (1), 93 -111.
- Ahmad Farid Abdul Jalal (2017). Pengaruh Ilmu Kolonial dalam Permuziuman di Malaysia: Satu Analisis. *e-Academia Journal*, 6 (1), 127-141.
- Al-Attas, S. H. (2005). Watak Tertawan di Negara Membangun, Ed. Mohamad Daud Mohamad. Dalam *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, 2-10.
- Al-Humayd, Sa'ad Abdullah & Al-Juraysi, Khalid Abdul Rahman (2015). <https://www.alukah.net/sharia/0/83058/>. Carian dibuat pada 9 Ogos 2020.
- Al-Tabari, Muhammad Jarir (2001). *Tafsir al-Tabari*, 23. Markaz al-Buhuth Wa al-Dirasat al-‘Arabiyyah Wa al-Islamiyyah.
- Aminudin Hehsan (2016). Dialog Peradaban dan Falsafah Pendidikan Islam: Implimentasi dalam Kurikulum dan Kokurikulum Subjek Umum Fakulti Tamadun Islam, UTM. *Sains Humanika*, 8 (2), 1-11.
- Awang Azman Awang Pawi (2009). Menulis dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara. *Jurnal Pengajaran Media*, 133-148.
- Azizan Baharuddin (2005). *Dialog Peradaban: Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradahan, Universiti Malaya.

- Azman Ligun (2017). Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5 (1), 19-30.
- Badrul Isa (2017). *Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*. Tesis Phd untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University.
- Benjamin Isakhan (2018). Layers of Religious and Political Iconoclasm Under the Islamic State: Symbolic Sectarianism and Pre-Monotheistic Iconoclasm. *International Journal of Heritage Studies*, 24 (1), 1-16.
- Chandra Muzaffar (2003). *Muslim, Dialogue, Terror*, Petaling Jaya: JUST.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Douglas, Isherwood (1979). *The Organization of Museum Practical Advice*, Paris: UNESCO.
- Edward Said (1981). *Covering Islam, How The Media and the Experts Determine How We See The Rest of the World*, London.
- Hein, Hilde (2000). *The Museum in Transition-A Philosophical Perspective*, Washington and London: Smithsonian Institution Press.
- Holger Warnk (2010). The Collection of 19th Century Printed Malay Books of Emil Lüring. *SARI-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28 (1), 99-128.
- Hossam Mahdy (2017). *Approaches to the Conservation of Islamic Cities: The Case of Cairo*. United Arab Emirates: ICCROM-ATHAR Regional Conservation Centre in Sharjah.
- Jad al-Haq, 'Ali Jad al-Haq (1980) <http://islampoint.com/w/ftw/Web/953/3262.htm>. Fatwa yang dikeluarkan pada Mei 1980. Carian dibuat pada 9 Ogos 2020.
- Joseph Maria Van Beurden (2016). *Treasures in Trusted Hand Negotiating the Future of Colonial Cultural Objects*. Tesis Kedoktoran Untuk Universiti Amsterdam.
- Juozas Valčiukas (2018). *Islamic Law: A Question of Adaptability*. Tesis kedoktoran untuk Mykolas Romeris University.
- Kaitlyn Armendariz (2017). *Culturalcide: The Systematic Destruction and Rewriting of World History at the Hands of ISIS*. Tesis Sarjana untuk The University of Arizona.
- Kamarul Baharin AK (1999). *Pengurusan Koleksi, Perolehan dan Penstoran*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Kenan Malik (2009). *From Fatwa to Jihad: The Rushdie Affair and Its Aftermath*, Brooklyn: Melville House Publishing.
- Klas Grinell (2019). Muhammad at The Museum: or, Why the Prophet is Not Present. *Religions*, 10 (665), 1-13.
- Majlis Fatwa Jordan (2011). https://www.aliftaa.jo/QuestionEn.aspx?QuestionId=1877#.Xy-_CSgzbcc. Carian pada 9 Ogos 2020.
- Mehdi Hodjat (1995). *Cultural Heritage in Iran: Policies for an Islamic Country*. Tesis Kedoktoran untuk Institute of Advanced Architectural Studies, The King's Manor, University of York.
- Natalie N. May (2012). *Iconoclasm and Text Destruction in the Ancient Near East and Beyond*. The University of Chicago.
- Okan Dogan (2015). *Rethinking Islamic Jurisprudence For Muslim Minorities in The West*, Master of Arts untuk The University of Texas At Austin.
- Omar al-Serhan (2016). *The Impact of Religiously Motivated Boycotts on Brand Loyalty Among Transnational Consumers*. Tesis kedoktoran untuk Cardiff Metropolitan University.

- Patrick Blannin (2017). Islamic State's Financing: Sources, Methods and Utilisation. *Counter Counterterrorist Trends and Analyses*, 9 (5), 13-22.
- Poulot, Dominique (1994). Identity As Self-Discovery: The Ecomuseum in France. Dalam Daniel J. Sherman & Irit Rogoff (Eds). *Museum Culture: Histories Discourses Spectacles*, Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000). Etika Penyelidikan Islam: Suatu. *Jurnal Afkar*, 1, 177-196.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006). Islam dan Dialog Peradaban: Konsep dan Idealisme. Dalam (Edit) Azzizan Baharuddin. *Islam Dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban UM, 27-53.
- Richard B. Allen (2009). *European Slave Trading in The Indian Ocean, 1500–1850*, Ohio: Ohio University Press Athens.
- Ruth Stellhorn Mackensen (1935). Background of the History of Moslem Libraries. *The American Journal of Semitic Languages and Literatures*, 51 (2), 114-125.
- S. Azman Ligun (2017). Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19-28.
- Salih Fauzan al-Fauzan (2017). <https://www.alfawzan.af.org.sa/en/node/13938>. Carian dibuat pada 8 Ogos 2020.
- Shadia Mohamed Salem Mahmoud (2004). *The Value of a Collections Management Policy for Museums*. Tesis Sarjana untuk The Graduate Faculty of Tech University.
- Shakila Che Dahalan (2015). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih*. Tesis Sarjana Sastera (Pendidikan) untuk Universiti Sains Malaysia.
- Siti Fahimah (2014). Sistem Isnad Dan Otentisitas Hadits: Kajian Orientalis dan Gugatan Atasnya. *Ulul Albab*, 15(2), 207-220.
- Syed Hussein Al-Attas (2005). Watak Tertawan di Negara Membangun. Dalam Mohamad Daud Mohamad (eds). *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, h. 2-10.
- Tania Cleary (2006). *The New Museum Function, Form and Politic*. Tesis kedoktoran untuk Griffith University.
- Van Welie, Rik (2008). Slave Trading and Slavery in the Dutch Colonial Empire: A Global Comparison. *New West Indian Guide/Nieuwe West-Indische Gids*, 82(1-2), 47-96.
- Zainal Kling (2000). Keranamu Malaysia: Negara Itu Adalah Akar Umbi Kehidupan dan Essensi Kewujudan Manusia. *Perpaduan*, 3, 4-11.